

JABATAN KORPORAT
TARIKH: 14.01.2025 MASA: 05.30PM
MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN SEBERANG PERAI
*CORPORATE PRIORITIES 2025***

TARIKH / MASA / TEMPAT

**17 JANUARI 2025 (JUMAAT)
10.00 PAGI**

DEWAN KENANGA, MENARA BANDARAYA, MBSP

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar &
Desa

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Yang Berusaha Puan Norhayati Binti Sulaiman

Pengarah Perhubungan Komuniti Merangkap
Penyelaras Majlis Pelancaran Seberang Perai *Corporate Priorities (SPCP)*
2025

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul pada pagi ini dalam **Majlis Pelancaran Seberang Perai Corporate Priorities 2025**.
2. Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa kerana sudi melapangkan masa beliau untuk hadir melancarkan Seberang Perai *Corporate Priorities 2025*.
3. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada semua hadirin yang turut hadir bagi menjayakan majlis ini pada hari ini.
4. Seberang Perai Corporate Priorities 2025 (SPCP 2025) merupakan sebuah dokumen strategik tahunan yang diadaptasi secara langsung daripada Pelan Strategi 2023-2030. Dokumen ini juga berperanan sebagai kesinambungan kepada pencapaian cemerlang yang telah direalisasikan melalui SPCP 2023 dan SPCP 2024. SPCP 2025 dirangka dengan teliti, mengandungi maklumat komprehensif mengenai program-program yang telah dirancang, penetapan *Key*

Performance Indicators (KPI) yang jelas, aktiviti strategik yang terancang, serta hasil yang disasarkan bagi setiap inisiatif sepanjang tahun 2025.

5. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) memberi penekanan kepada tiga (3) fokus utama dalam menentukan hala tuju strategik yang menjadi tunjang kepada perancangan jangka panjangnya. Tiga (3) fokus utama tersebut adalah Pemantapan Kebersihan, Pemerkasaan Penguatkuasaan dan Kesejahteraan Kewangan.
6. Fokus-fokus ini digariskan selaras dengan pembentukan SPCP 2025, yang merupakan perancangan holistik dan komitmen kukuh MBSP kepada semua *stakeholders* dalam merealisasikan Visi dan Misi MBSP. Dokumen induk ini bukan sahaja dijadikan sebagai pandu arah kepada warga kerja MBSP, tetapi juga sebagai rujukan kepada seluruh warga Seberang Perai untuk mencapai hasrat bersama. Selain itu, ia berperanan sebagai panduan untuk menjadikan MBSP sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang terbuka, interaktif, cekap dan sentiasa mendapat kepercayaan serta sokongan masyarakat.
7. SPCP 2025 menggariskan 101 program dan 134 aktiviti yang disusun secara sistematik di bawah sepuluh (10) Keutamaan Strategik (*Strategic Priorities*). Fokus-fokus ini bertujuan memastikan segala usaha yang dirancang selaras dengan aspirasi pembangunan yang menyeluruh dan berimpak tinggi.

8. Sepuluh (10) Keutamaan Strategik (*Strategic Priorities*) Dalam SPCP 2025 adalah:
- (a) SP01 - Persekutaran Yang Selamat;
 - (b) SP02 - Kemudahan Dan Infrastruktur Yang Berkualiti;
 - (c) SP03 - Gaya Hidup Sihat;
 - (d) SP04 - Pembangunan Hijau Dan Persekutaran Bersih;
 - (e) SP05 - Penerapan Teknologi Baru;
 - (f) SP06 - Ekonomi Bandar Yang Berdaya Saing;
 - (g) SP07 - Memperkuatkan Budaya Dan Warisan;
 - (h) SP08 - Bandar Yang Berdaya Tahan Dan Berdaya Huni;
 - (i) SP09 - Keterlibatan Komuniti; dan
 - (j) SP10 - Pembangunan Bandar Yang Inklusif Dan Saksama.
9. Penekanan terhadap pencapaian sepuluh (10) Keutamaan Strategik ini dilaksanakan melalui pendekatan transformasi digital dalam penyampaian perkhidmatan yang berpaksikan teknologi terkini. Langkah ini bertujuan untuk menyokong pelaksanaan inisiatif Bandar Pintar serta matlamat pembangunan mampan yang menjadi asas kepada usaha merealisasikan sebuah bandaraya moden, efisien dan mesra komuniti.
10. MBSP turut mengadaptasi pendekatan yang *customer-centric* dengan menambah baik aspek tadbir urus supaya pandangan komuniti sentiasa diberi keutamaan. Pendekatan ini diambil bagi memastikan

visi dan misi MBSP yang telah diperbaharui dapat dicapai sepenuhnya.

11. Bagi mencapai matlamat strategik yang telah digariskan, MBSP telah menetapkan sepuluh (10) Program Strategik Utama (*Top 10 Strategic Programs*) yang menjadi sasaran utama pelaksanaan pada tahun ini. Program-program tersebut adalah seperti berikut:
 - (a) Pemusatan Penjaja;
 - (b) Penyelesaian Kelulusan Kebenaran Merancang (C1) yang Tertunggak;
 - (c) Pelaksanaan Inisiatif Baru IGL (*Industrial Green Lane*), PR (*Pre-Requisite*) dan SR (*Self-Regulation*);
 - (d) Mewujudkan Taman Bunga di Seberang Perai;
 - (e) Teras Pembersihan Perbandaran;
 - (f) Program Tandas Bersih, Menawan, Wangi (BMW);
 - (g) Program Pemutihan Kilang dan Premis Perniagaan;
 - (h) Menyediakan Garis-Garis Panduan baru dari segi Pembangunan, Perancangan dan Penguatkuasaan MBSP;
 - (i) Program Ladang Ternakan Teratur dan Bersih;
 - (j) Pelan Tindakan Haiwan Terbiar.
12. Saya menyeru semua pihak, termasuk warga kerja MBSP, rakan strategik, pemimpin komuniti dan seluruh warga Seberang Perai, untuk bersama-sama berganding bahu merealisasikan matlamat dan aspirasi yang telah digariskan dalam Seberang Perai Corporate

Priorities 2025 (SPCP 2025). Kejayaan setiap inisiatif yang dirancang memerlukan komitmen padu, dedikasi tinggi, serta kesatuan hati dan tenaga dari kita semua. Marilah kita jadikan tahun 2025 sebagai satu tahun yang penuh dengan pencapaian bermakna, demi kesejahteraan masyarakat dan kelestarian generasi akan datang.

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua yang bertungkus lumus bagi menjayakan Majlis Pelancaran Seberang Perai *Corporate Priorities 2025*, terutamanya kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas sokongan kepada program-program yang dianjurkan oleh MBSP selama ini.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***